

**Najib Ucap Terima Kasih Kepada Amerika Syarikat Atas Ucapan Hari Kemerdekaan
Bernama
1 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan rakyat Amerika Syarikat atas ucapan mereka kepada Malaysia sempena Hari Kemerdekaan ke-55.

"Bagi pihak rakyat Malaysia, terima kasih atas ucapan Merdeka anda. Hubungan Amerika Syarikat-Malaysia adalah sangat penting, saya harap ia terus berkembang maju," kata Najib dalam tweet beliau kepada @StateDept, Jabatan Twitter Amerika Syarikat.

Pada Khamis, Setiausaha Negara Amerika Syarikat Hillary Clinton mewakili Presiden Barack Obama dan rakyat negara itu mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan ke-55 kepada semua rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691175>